

Penubuhan Persekutuan Malaysia Dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima

Prof. Madya Dr. Joseph M. Fernando
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
(Draft only, not to be cited)

Pengenalan

Penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 merupakan satu peristiwa sejarah yang penting kerana ia banyak mengubah landskap politik negara serta rantau Asia Tenggara. Pembentukan Persekutuan Malaysia mewujudkan satu negara-bangsa yang lebih besar di Asia Tenggara yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Beberapa penulisan penting mengenai proses penubuhan Malaysia telah diterbitkan oleh para sarjana dalam dua dekad yang lepas kerana banyak rekod-rekod rasmi mengenai pembentukan Malaysia yang tersimpan di National Archives di Kew, London, telah dibuka kepada para sejarawan sejak 1993. Ini membolehkan sejarawan meneliti rekod-rekod asal dan sulit untuk memahami secara lebih mendalam proses rumit berkaitan pembentukan Malaysia dan cabaran yang dihadapi pemimpin pada masa itu.

Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima menceritakan proses pembentukan Persekutuan Malaysia secara ringkas di antara halaman 136 hingga 155. Oleh kerana ruang yang diberikan untuk menceritakan sejarah Penubuhan Malaysia adalah terhad, naratif dalam buku teks ini tidak begitu mendalami sejarah yang kompleks di sebalik pembentukan Malaysia serta menganalisis asal-usulnya dengan lengkap. Hampir 20 halaman dalam buku teks menghuraikan Penubuhan Malaysia dan reaksi negeri-negeri yang terlibat, tetapi ruang teks adalah terhad kerana sebahagian besar halaman bab ini diisi dengan gambar, peta, jadual dan ilustrasi lain. Walaupun penghuraian dalam buku teks adalah memadai untuk pelajar Tingkatan Lima, saya berasa, dengan pendekatan pemikiran luar buku teks yang digalakkan

sekarang, masih ada ruang untuk meningkatkan pengetahuan guru dan pelajar mengenai proses penubuhan Malaysia di antara 1961 dan 1963.

Selain itu, kajian saya mengenai persoalan peperiksaan SPM berkaitan penubuhan Malaysia dalam lima tahun yang lepas menunjukkan jumlah soalan tentang tema ini adalah berkurangan. Hanya satu soalan esei (2013) berkaitan perkara pembentukan Malaysia terdapat dalam kertas soalan peperiksaan di peringkat SPM. Namun terdapat satu atau dua soalan mengenai pembentukan Malaysia dalam bahagian soalan objektif setiap tahun dalam lima tahun yang lepas.

Kertas kerja ini akan bermula dengan perbincangan mengenai bahan rujukan yang penting berkaitan penubuhan Malaysia dan beberapa aspek penting mengenai proses pembentukan Malaysia yang terdapat dalam tulisan terbaru sejarawan. Ini akan diikuti dengan perbincangan mengenai soalan peperiksaan dan beberapa cadangan akan diutarakan.

Bahan rujukan tulisan sejarah yang penting

Beberapa buku dan artikel penting yang berkaitan dengan penubuhan Malaysia telah diterbitkan oleh para sejarawan dalam beberapa tahun yang lepas. Di antara tulisan yang terbaik dan autoritatif adalah tulisan Tan Tai Yong (*Creating 'Greater Malaysia*, Singapore: ISEAS, 2008) dan A.J. Stockwell (*Malaysia: British Documents on the End of Empire*, London; University of London, 2004). Buku Tan Tai Yong yang merujuk kepada rekod rasmi asal berkaitan proses penubuhan Malaysia memberi satu analisis yang lengkap dan mendalam. Beliau berpendapat setiap pihak yang terlibat mempunyai kepentingan tersendiri dalam menjayakan rancangan *Greater Malaysia* dan '*a convergence of interests*' mendorong kepada pembentukan Persekutuan Malaysia pada 1963. Buku Stockwell pula memberi satu analisis dan *overview* yang baik dalam bahagian pengenalan dan buku ini juga merupakan satu kompilasi dokumen-dokumen rasmi yang terpenting tentang penubuhan Malaysia. Jadi

pembaca dapat membaca sendiri sebahagian surat-menyurat asal antara pemimpin yang terlibat dalam perundingan pembentukan Malaysia dan merasai suasana masa tersebut serta kepelbagaian pandangan yang wujud di antara pemimpin pada masa itu. Buku terbaru yang mengandungi maklumat mengenai penubuhan Malaysia ialah tulisan Mohd. Shamsudin bertajuk, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran* (Bangi: UKM, 2016) yang diterbitkan tahun lepas yang banyak merujuk kepada sumber primer. Artikel saya yang akan diterbitkan dalam jurnal *Archipel*, Jilid 94, tahun ini (Joseph M. Fernando, 'Early ideas of Greater Malaysia, 1945-1961') pula meneliti secara mendalam perbincangan 'awal' yang berkaitan proses penubuhan Malaysia (Rancangan ini diberi gelaran 'Grand Design' dan kemudian 'Greater Malaysia,' pada 1950-an dan 1960-an.) dan khususnya peranan Malcolm MacDonald, Commissioner-General British di Asia Tenggara, dan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman dalam mempromosi konsep persekutuan tersebut di antara 1945 dan 1963. Kajian saya banyak merujuk kepada sumber primer, iaitu rekod-rekod Pejabat Tanah Jajahan, yang baru dibuka kepada para sejarawan.

Selain itu, beberapa penerbitan lain juga mengandungi perbincangan yang signifikan mengenai pembentukan Malaysia. Di antaranya termasuk terbitan yang berikut: Nik Anual Nik Mahmud (2009), *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Bangi: UKM; Gordon P. Means, (1976), *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton; Albert Lau (1998), *A Moment of Anguish*, Singapore: Times Academic Press; Nik Anuar Nik Mahmud (2001), *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia; Mohamed Noordin Sopiee (1974), *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press; C.M. Turnbull (1996), *A History of Singapore, 1819-1988*, Singapore: Oxford University Press; Matthew Jones, 'Creating Malaysia: Singapore security, the Borneo territories, and the contours of British policy, 1961-1963', *Journal of Imperial and Commonwealth History*, Vol. 28, No.2, 2000; dan A.J. Stockwell, 'Malaysia: The

making of a neo-colony?’ *Journal of Imperial and Commonwealth History*, Vol. 26, No.2, 1998. Tulisan beberapa pemimpin yang terlibat secara langsung dalam proses pembentukan Malaysia seperti Lee Kuan Yew (*The Singapore Story*, Singapore: Singapore Press Holdings, 1998) dan Tan Sri Ghazali Shafie (*Memoir on the Formation of Malaysia*, Bangi: UKM, 1998) juga mengandungi maklumat yang relevan. Penerbitan tersebut ini akan memberi satu gambaran yang lebih luas mengenai penubuhan Malaysia dan perdebatan yang berlaku pada masa itu. Buku-buku dan artikel tersebut boleh di anggap *complementary* kepada buku-buku utama yang di sebut di atas untuk memahami sejarah proses pembentukan Malaysia.

Faktor–faktor Pembentukan Malaysia

Dalam buku teks Tingkatan Lima, beberapa faktor di utarakan sebagai faktor penting dalam pembentukan Malaysia. Ini termasuk faktor politik (keselamatan, kemerdekaan dan dekolonisasi), ekonomi (kerjasama ekonomi) dan sosial (kependudukan). Faktor-faktor ini pada umumnya boleh diterima sebagai mendorong kepada penubuhan Persekutuan Malaysia. Pada masa yang sama, apabila diteliti penerbitan yang tersebut di atas, mungkin gambaran yang lebih kompleks akan wujud, iaitu berkaitan faktor penting yang mendorong kepada penubuhan Malaysia. Kalau faktor ekonomi misalnya penting, mengapakah Tunku menolak cadangan pemimpin Singapura seperti David Marshal, Lim Yew Hock dan Lee Kuan Yew apabila mereka mencadangkan gabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura pada 1950-an dan 1960-61? Kajian terbaru dan eviden sejarah terbaru menunjukkan pembentukan Persekutuan Malaysia adalah lebih kompleks daripada yang digambarkan dalam buku teks.

Penghuraian yang sedia ada dalam buku teks, pada pandangan saya, adalah terlalu ringkas memandangkan soalan esei dan soalan objektif dalam soalan peperiksaan memerlukan maklumat yang lebih mendalam untuk dijawab dengan baik. Perbincangan

faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia adalah terlalu ringkas (hlm. 138-140).

Idea pembentukan Malaysia awal dalam buku teks pula kurang menjelaskan peranan Malcolm MacDonald. Beliau yang kuat memperjuangkan Gagasan Malaysia daripada 1951 di mana beliau telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Tanah Melayu (seperti Dato Onn Jaafar), Singapura dan negeri-negeri Borneo Utara mengenai kemungkinan mewujudkan satu gabungan yang lebih besar yang merangkumi kesemua negeri ini. Usaha untuk merealisasikan idea ini kemudian dibuat oleh beberapa pegawai lain selepas MacDonald di pindah ke India pada 1955 sebagai Pesuruhjaya Tinggi British. Tulisan baru juga menunjukkan bahawa Pejabat Kolonial telah mengadakan beberapa perbincangan mengenai Gagasan Malaysia sebelum Tunku membuat lawatan ke London untuk menghadiri Persidangan Commonwealth pada bulan Jun 1960 di mana beliau telah membangkitkan perkara gabungan dengan negeri-negeri Borneo kepada Lord Perth. Pada asasnya, pentadbir Pejabat Tanah Jajahan di London dan pentadbir British di Asia Tenggara berpendapat bahawa gabungan ekonomi dan politik di antara Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan negeri-negeri Borneo akan memperkuatkan kedudukan negeri-negeri kecil ini sebagai 'viable entities' yang dapat bersaing dengan negara-negara jiran yang lebih besar.

Dalam suasana ini, apakah yang menyebabkan Tunku Abdul Rahman mencadangkan satu bentuk 'closer association' di antara negeri-negeri ini pada bulan Mei 1961 semasa berucap di satu sidang akhbar di Singapura? Di sini eviden sejarah terbaru menunjukkan keadaan politik di Singapura merupakan faktor terpenting yang mendorong Tunku untuk membuat cadangan Gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961 setelah begitu lama menolak cadangan *direct merger* dari pemimpin Singapura. Kebangkitan parti-parti haluan kiri, kekalahan parti PAP di pilihan raya kecil Hong Lim pada April 1961 membimbangkan Tunku. Tunku bimbang Singapura akan terjatuh ke tangan komunis, di mana sebahagian

pemimpin parti PAP di anggap pro-PKM. Tunku berkata: ‘Kita semua boleh lihat cabaran daripada komunis. Sekiranya saya tidak merasakan bahaya ini, saya tidak akan mengambil tahu akan wilayah-wilayah Singapura, Sarawak dan Borneo.’ Bagi Singapura, gabungan dengan Tanah Melayu akan dapat mengawal ancaman komunis kerana pertahanan merupakan perkara di bawah jurisdiksi Kerajaan Persekutuan dan tindakan yang sewajar boleh di ambil kerajaan Persekutuan.

Faktor politik dalaman Singapura hanya diceritakan dalam satu perenggan (hlm. 139) dalam buku teks. Saya berpendapat ini tidak mencukupi untuk membolehkan pelajar memahami dengan baik apa sebenarnya yang berlaku di Singapura yang menyebabkan Tunku membuat kenyataan Gagasan Malaysia yang memeranjatkan banyak pemerhati politik pada 27 Mei 1961.

Cadangan gabungan di antara dua negeri ini mewujudkan masalah keseimbangan kaum di mana masyarakat Melayu akan kehilangan kedudukan mereka sebagai kaum majoriti jika gabungan hanya antara Tanah Melayu dan Singapura. Oleh itu, satu formula yang lebih luas dicadangkan di mana negeri-negeri Borneo – Sarawak, Borneo Utara dan Brunei – dijemput bergabung. Kajian baru menunjukkan kertas kerja untuk formula yang lebih luas sebenarnya disediakan oleh Lee Kuan Yew atas permintaan Tunku dan pihak British.

Negeri-negeri Borneo juga mempunyai kepentingannya tersendiri dalam menyertai gabungan ini kerana ia akan mempercepatkan proses pencapaian kemerdekaan. Kerajaan British juga telah memberitahu pemimpin negeri-negeri Borneo bahawa mereka ingin berundur daripada rantau Asia Tenggara (untuk memberi lebih perhatian kepada hubungan dengan European Economic Community) dan gabungan yang dicadangkan akan memastikan masa depan politik dan ekonomi mereka terjamin. Masalah ancaman komunis walaupun wujud di Borneo Utara dan Sarawak pada period ini, tidak begitu membimbangkan pihak British dan dapat dikawal. Selain itu, pendekatan agresif Presiden Sukarno terhadap masalah

West Irian (atau West New Guinea) yang diduduki Belanda pada 1960-1962 juga, mengikut rekod kolonial British, membimbangkan pemimpin negeri-negeri Borneo. Iaitu, kemungkinan Indonesia akan cuba menguasai negeri-negeri Borneo setelah masalah itu diselesai.

Apa yang jelas ternampak, adalah perbincangan mengenai idea dan faktor pembentukan Malaysia dalam buku teks adalah berkurangan. Pembacaan buku-buku dan artikel yang dicadangkan dalam kertas kerja ini, atau sebahagian daripadanya, akan membantu guru-guru sekolah menengah menyampaikan perbincangan/maklumat yang lebih lengkap kepada pelajar.

Buku teks juga menyentuh reaksi negeri-negeri yang terlibat mengenai cadangan Gagasan Malaysia dan proses pembentukan Malaysia yang merupakan perkara yang kurang kompleks berbanding faktor-faktor pembentukan Malaysia. Namun masih ada ruang untuk mengembangkan perbincangan yang sedia ada dalam buku teks.

Soalan peperiksaan berkaitan Penubuhan Malaysia

Bagi tahun 2013, **soalan esei** berkaitan penubuhan Malaysia mempunyai tiga bahagian yang cuba menguji pelajar tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia; tentang reaksi dalam negeri dan luar; kebijaksanaan pemimpin negara menangani cabaran semasa pembentukan Malaysia; dan mengenai tanggungjawab warganegara untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia. Pada pandangan saya, soalan esei ini terlalu luas untuk dijawab dengan baik dalam masa yang singkat, dan dengan kekurangan maklumat dalam buku teks, pelajar akan menghadapi masalah untuk menjawab soalan tersebut dengan lengkap. Bahagian terakhir soalan esei mengenai tanggungjawab mengekalkan kedaulatan Malaysia, saya berpendapat, bukan satu soalan berbentuk sejarah dan terlalu spekulatif. Soalan sejarah biasanya perlu meneliti peristiwa yang berlaku dan mengapa ia berlaku

berasaskan eviden sejarah. Soalan sejarah tidak seharusnya berbentuk spekulatif yang bercanggah dengan prinsip asas disiplin sejarah.

Soalan objektif dalam soalan peperiksaan pada asasnya adalah lebih baik. Namun jika seorang pelajar hanya membaca buku teks Sejarah Tingkatan Lima, ia mungkin tidak akan mencukupi maklumat untuk menjawab soalan objektif. Jawapan untuk sebahagian soalan objektif tahun-tahun lepas tidak boleh dijumpai dalam buku teks. [(Misalnya soalan tahun 2014, No. 34: ‘Bagaimanakah pemimpin Singapura mengatasi pengaruh golongan tersebut?’ (iaitu Barisan Sosialis) (Lihat hlm. 139 buku teks); dan soalan tahun 2015, No.34: ‘Mengapakah parti politik berikut (SCA, Parti Pesaka) menentang Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada peringkat awal’ (Lihat hlm. 142-143 buku teks)].

Saya ingin mencadangkan mungkin lebih banyak soalan objektif digubal mengenai idea awal pembentukan Malaysia, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia jika buku teks dapat melengkapkan lebih maklumat mengenai perkara tersebut. Ini adalah kerana lebih banyak maklumat terdapat dalam tulisan terbaru sejarahwan (yang disebut di bahagian atas) tentang idea-idea awal penubuhan Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persekutuan ini.

Kesimpulan

Pada umumnya maklumat yang sedia ada dalam buku Teks Sejarah Tingkatan Lima mengenai proses pembentukan Malaysia adalah terhad dan tidak mencukupi bagi pelajar untuk menjawab soalan esei dan objektif dengan baik. Perbincangan dalam kertas kerja ini juga telah menunjukkan beberapa kelemahan lain yang terdapat dalam isi kandungan buku teks yang sedia ada. Adalah diharapkan buku teks baru yang akan digunakan pada masa depan akan memberi maklumat yang lebih lengkap untuk membantu guru-guru dan pelajar.